

Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam

Basic Components for Islamic Education Teacher Training

Ab. Halim Tamuri (Pengarang Penghubung)
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650 Bangi, Selangor, Malaysia.
Tel: +603-89216784 E-mel: tamuri67@gmail.com

Muhamad Faiz Ismail
Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai,
Johor, Malaysia.
Tel: +6013-7598702 E-mel: ismida87@gmail.com

Kamarul Azmi Jasmi
Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor, Malaysia.
Tel: +6019-7477936 E-mel: qamar@utm.my

Abstrak

Guru memainkan peranan penting dalam pengajaran pendidikan Islam. Mereka bukan sahaja berperanan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar malah bertanggungjawab untuk meningkatkan penguasaan dan penghayatan ilmu pelajar. Guru harus mendorong sikap dan tingkah laku pelajar ke arah kebaikan melalui pendekatan yang berhikmah. Penyediaan guru yang berkualiti amat penting bagi menjayakan matlamat pendidikan Islam. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan komponen asas untuk latihan guru pendidikan Islam agar mereka dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran yang mencukupi untuk mendidik pelajar menjadi muslim yang bertaqwa. Personaliti guru, ilmu pengetahuan, pengetahuan pedagogi kandungan, kepelbagaian kemahiran dan motivasi dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan komponen asas yang perlu diberi tumpuan dalam latihan guru pendidikan Islam.

Katakunci : Guru; Pendidikan Islam; Latihan; Komponen asas; Muslim

Abstract

Teachers play an important role in teaching of Islamic education. They not only serve to convey knowledge to students but also responsible for enhancing the practice of students. Teachers should encourage students' attitudes and behavior towards goodness by a wise approach. The preparation of quality teachers is crucial to the success of the Islamic educational goals. Therefore, this article aims to discuss the basic components of Islamic education for teacher training so that they are provided with sufficient knowledge and skills to educate students to become a good muslim. Teacher's personality, knowledge, pedagogical content knowledge, skills and motivation in teaching and learning are the basic components that need to be emphasized in the training of Islamic Education teachers.

Keywords: Teacher; Islamic Education; Training; Basic component; Moslem

Pengenalan

Secara umumnya, objektif utama pelaksanaan sistem pendidikan Islam ialah memberikan penekanan terhadap aspek penghayatan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi

membangunkan insan yang bertaqwa kepada Allah (s.w.t) Dewasa ini, sistem pendidikan formal khususnya sekolah telah mengambil alih sebahagian besar tugas keluarga untuk mendidik generasi muda. Perkembangan kemajuan ekonomi yang mendesak, kecanggihan teknologi tanpa sempadan dan kepelbagaian isu masyarakat global yang mengejar material telah menyebabkan tugas pendidikan hampir sepenuhnya diserahkan kepada para pendidik.

Situasi ini berbeza dengan pendidikan pada zaman tradisional kerana tugas mendidik anak-anak khususnya berkaitan dengan pendidikan Al-Quran dan Fardhu `Ain dilaksanakan oleh ibu bapa dan dibantu oleh kelompok masyarakat sekitarnya. Peranan masjid, surau serta madrasah dalam menyebarkan ilmu khususnya ilmu agama pada zaman tersebut dilihat sangat signifikan dengan adanya guru-guru al-Quran yang berkhidmat secara sukarela dalam mendidik masyarakat (Jasmi, 2011).

Oleh itu, guru mempunyai tanggungjawab yang besar dan sangat berperanan dalam menjayakan matlamat Pendidikan Islam (Al-Kaylani, 2005). Persediaan dan latihan yang intensif harus diberi penekanan untuk meningkatkan kualiti guru seterusnya merealisasikan hasrat murni Pendidikan Islam. Komponen yang akan dibincangkan harus dijadikan panduan asas dalam perancangan dan pelaksanaan latihan bagi guru-guru Pendidikan Islam.

Isu Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) dan Guru Pendidikan Islam

Apabila membicarakan tentang pendidikan Islam di sekolah, terdapat perbezaan yang jelas antara mata pelajaran pendidikan Islam dengan mata pelajaran yang lain. Hal ini demikian kerana Pendidikan Islam melibatkan pengajaran ilmu agama sebagai panduan hidup dan pembangunan diri insan secara menyeluruh demi mencapai kejayaan hidup di dunia dan di akhirat (Al-Nahlawy, 1983; Al-Kaylani, 2005). Implikasinya ialah aspek penguasaan dan penghayatan ilmu menjadi agenda utama dalam sistem pendidikan Islam.

Dalam membincangkan aspek latihan dan keperluan guru pendidikan Islam di sekolah, kita boleh melihat semula beberapa kajian yang telah dijalankan oleh pelbagai pihak untuk mengenalpasti isu-isu mengenai pelaksanaan P&P Pendidikan Islam. Antara kajian penting yang perlu diberi tumpuan ialah kajian menyeluruh yang telah dijalankan oleh Ab. Halim et al. (2004) bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi mengenalpasti beberapa isu berkaitan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

Antara hasil dapatan utama yang boleh dijadikan asas dalam latihan guru-guru ialah berkaitan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru-guru di dalam bilik darjah adalah seperti berikut terpapar dalam Jadual 1-5:

Jadual 1: Kaedah pengajaran Tilawah al-Quran

Bil	Kaedah Berkesan	Min	Amalan	Min
1	Tasmi' dan Tashih	3.50	Kuliah/Penerangan	3.04
2	Latih Tubi	3.38	Tasmi' dan Tashih	3.03
3	Talaqqi dan Musyafahah	3.33	Bacaan beramai-ramai	2.99

Jadual 2: Kaedah pengajaran Aqidah

Bil	Kaedah Berkesan	Min	Amalan	Min
1	Bersoal jawab	3.38	Kuliah/Penerangan/Syarah	3.51
2	Kuliah/Penerangan/Syarah	3.35	Bersoal jawab	3.36
3	Perbincangan	3.21	Perbincangan	3.12

Jadual 3: Kaedah pengajaran Ibadah

Bil	Kaedah Berkesan	Min	Amalan	Min
1	Tunjuk Cara/Demonstrasi	3.70	Kuliah/Penerangan	3.57
2	Amali	3.70	Soal Jawab	3.53
3	Soal Jawab	3.52	Tunjuk Cara/Demonstrasi	3.27

Jadual 4: Kaedah pengajaran Sirah dan Tamadun Islam


Bil	Kaedah Berkesan	Min	Amalan	Min
1	Bercerita	3.35	Kuliah/Penerangan	3.44
2	Latih Tubi	3.33	Bercerita	3.15
3	Perbincangan kumpulan	3.31	Latih Tubi	3.05

Jadual 5: Kaedah pengajaran Adab dan Akhlak


Bil	Kaedah Berkesan	Min	Amalan	Min
1	Soal Jawab	3.33	Kuliah/Penerangan	3.46
2	Kuliah/Penerangan	3.25	Soal Jawab	3.46
3	Tunjuk Cara/ Demonstrasi	3.25	Latih Tubi	3.01

Berdasarkan dapatan tersebut, guru-guru pendidikan Islam mengakui bahawa kaedah yang sering digunakan oleh mereka ialah kuliah/penerangan. Jika dianalisa secara perbandingan, umumnya terdapat percanggahan antara apa yang diamalkan oleh guru dalam pengajaran dengan apa yang sepatutnya diamalkan. Kajian tersebut juga telah melihat persepsi pelajar dan guru terhadap kesan pengajaran pendidikan Islam terhadap diri pelajar-pelajar berdasarkan bahagian-bahagian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.


Kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim et al. (2006) berkaitan amalan guru berteraskan konsep 5M pula telah dapat mengenalpasti beberapa isu berkaitan amalan guru pendidikan Islam di sekolah menengah dan rendah di Malaysia. Seramai 1210 orang guru Pendidikan Islam sekolah rendah dan menengah telah terlibat dalam kajian ini (493 orang untuk pemerhatian pengajaran dan 717 bagi temu bual). Selain itu, 3166 orang pelajar daripada sekolah-sekolah menengah di Selangor, Kedah, Kelantan, Melaka, Johor dan Sarawak juga telah dipilih sebagai responden kajian. Berikut adalah profil guru pendidikan Islam berteraskan konsep guru dalam Islam iaitu *Muddaris*, *Muaddib*, *Murabbi*, *Mursyid* dan *Mu'allim* (Rajah 1-3).



Rajah 1: Indeks amalan pengajaran guru pendidikan Islam berdasarkan penilaian pelajar



Rajah 2: Indeks amalan pengajaran guru pendidikan Islam berdasarkan pemerhatian di bilik darjah



Rajah 3: Indeks amalan pengajaran guru pendidikan Islam berdasarkan penilaian sendiri guru

Berdasarkan amalan pengajaran guru pendidikan Islam di atas, domain *muaddib* adalah yang paling dominan, diikuti oleh *murabbi*. Manakala kualiti domain *mursyid*, *mu'allim* dan *mudarris* perlu dipertingkatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Sehubungan dengan itu, pembangunan kelima-lima domain amalan pengajaran tersebut perlu diberikan penekanan yang seimbang dalam semua latihan keguruan pendidikan Islam.

Ab. Halim et al. (2007) juga telah menjalankan kajian tentang kesan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah, khususnya di sekolah-sekolah menengah kebangsaan. Seramai 1,403 pelajar Islam Tingkatan 4 daripada 17 buah sekolah menengah kebangsaan di tiga buah daerah di negeri Johor, iaitu Johor Baharu,


Muar dan Segamat, telah terlibat dalam kajian ini. Kajian ini mendapati bahawa orientasi keseluruhan amalan-amalan agama dalam kalangan remaja berada pada tahap yang sederhana. Kajian ini mendapati orientasi akhlak peribadi remaja berada pada tahap yang tinggi, orientasi akhlak sosial pada tahap yang sederhana dan orientasi akhlak agama juga pada tahap yang sederhana. Sikap pelajar-pelajar dalam kalangan remaja Melayu terhadap agama Islam pula berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, terdapat hubungan positif yang signifikan antara semua pemboleh-pembolehubah iaitu orientasi amalan agama remaja, amalan akhlak peribadi, amalan akhlak sosial, amalan akhlak agama dan sikap remaja terhadap Islam.

Anisah (2008), Abdul Shukor (2008) dan Mohd Azman (2008) pula telah menguji satu modul pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam berasaskan masjid. Modul ini diasaskan kepada kurikulum pendidikan Islam Tingkatan 2, KBSM. Hasil kajian yang dijalankan mendapati bahawa pelajar-pelajar dan guru-guru berasa sangat positif terhadap inovasi yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik tersebut. Bagi memastikan kesinambungan kreativiti guru pendidikan Islam, mereka perlu memberikan tumpuan kepada pembangunan model atau modul pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan inovasi.

Selain itu, satu kajian mengenai kualiti diri guru pendidikan Islam sekolah menengah di Sabah telah dijalankan oleh Kassim (2010). Kajian kualitatif ini mendapati bahawa terdapat tiga kategori kualiti guru pendidikan Islam yang utama iaitu, pengetahuan, personaliti dan kemahiran. Sumber kualiti pula berkisar sekitar keluarga, kesungguhan semasa di institut pengajian tinggi dan penglibatan aktif dalam aktiviti-aktiviti rasmi dan kemasyarakatan setelah bergelar guru. Mereka telah mengaplikasikan kualiti keguruan mereka di sekolah serta tidak mengabaikan hal-hal kekeluargaan dan kemasyarakatan. Kajian ini merumuskan kualiti diri guru pendidikan Islam berkait rapat dengan tiga tema iaitu falsafah,

psikologi dan sosiologi. Kualiti diri guru amat penting dalam usaha membentuk sahsiah pelajar secara berkesan.

Seterusnya, kajian berskala besar telah dijalankan untuk mengkaji tahap profesionalisme guru-guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia (Ab. Halim et al., 2010). Kajian ini telah melibatkan 2400 pelajar, 464 guru pendidikan Islam dan 603 orang pentadbir dan guru-guru daripada bidang lain yang menilai tahap profesionalisme guru-guru pendidikan Islam berteraskan *Standard Guru Malaysia* dan ditambah dengan satu elemen baru iaitu asas keagamaan guru. Rajah 4 menunjukkan dapatan kajian yang dijalankan:



Rajah 4: Tahap profesionalisme guru-guru pendidikan Islam (Ab. Halim et al., 2010)

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan guru-guru pendidikan Islam mempunyai tahap profesionalisme yang agak tinggi di sekolah kerana keseluruhan min berada pada tahap melebihi 4.00. Namun, masih terdapat isu yang perlu diberikan perhatian khususnya berkaitan aspek agama yang menunjukkan min yang terendah menurut persepsi sendiri guru, pentadbir dan rakan-rakan daripada bidang yang lain. Isu ini perlu dikaji kerana terdapat berbezaan yang sangat ketara antara persepsi pelajar dan persepsi sendiri guru, pentadbir dan rakan-rakan mereka.

Jasmi (2011) pula telah menjalankan kajian bagi mengenalpasti kualiti prasarana pengajaran dan pembelajaran (P&P) pendidikan Islam di surau-surau sekolah. Kajian tersebut melibatkan 400 orang pelajar tingkatan empat di 12 buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Melaka Tengah, Melaka. Secara keseluruhannya, analisis data

menunjukkan kualiti prasarana P&P di surau-surau Sekolah Menengah Kebangsaan daerah Melaka Tengah berada pada tahap sederhana tinggi. Begitu juga dengan tahap minat pelajar untuk mengikuti proses P&P Pendidikan Islam di surau sekolah turut mencapai tahap sederhana tinggi. Namun hasil kajian mendapati tahap penggunaan surau sekolah dari aspek ibadah dan pendidikan berada pada tahap sederhana rendah. Selain itu, hasil kajian yang diperolehi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti prasarana P&P dengan minat pelajar untuk mengikuti proses P&P Pendidikan Islam di surau sekolah. Tahap penggunaan surau sekolah dari aspek ibadah dan pendidikan juga didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan minat pelajar untuk menjalani proses P&P di surau sekolah.

Zakaria (2011) telah menjalankan satu kajian tentang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam kalangan guru-guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Kajian ini mendapati guru-guru pendidikan Islam dapat melaksanakan pendekatan berpusatkan pelajar semasa pengajaran mereka tetapi tahapnya masih perlu diperbaiki lagi. Antara isu yang dikenalpasti dalam kajian ini ialah kurangnya latihan-latihan yang berkaitan dengan pedagogi terkini diberikan kepada guru-guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah kebangsaan.

Keperluan Dalam Penyediaan Dan Latihan Guru Pendidikan Islam

Menurut Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi (2010), tugas guru menurut perspektif Islam merangkumi pelbagai tanggungjawab yang sangat luas dalam pembangunan akhlak dan diri manusia iaitu sebagai *murrabi*, *muaddib* dan bukan semata-mata seorang *mu'allim*. Tugas guru perlu dikaitkan dengan tugas sebagai pendakwah atau dalam erti kata lain seorang guru pendidikan Islam juga harus memainkan peranan sebagai seorang pendakwah atau *da'i* (Muhamad Faiz et al., 2012). Oleh itu, sebagai

guru yang berperanan sebagai pendakwah, tugas penting mereka ialah memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang ajaran Islam dan pelaksanaannya dalam kehidupan seharian, khususnya dalam kalangan pelajar-pelajar mereka. Pastinya, metod dan pendekatan yang digunakan perlu dipelbagaikan bagi memaksimum keberkesanan dakwah yang dijalankan.

Dalam konteks pendidikan formal kini, kejayaan P&P pendidikan Islam di institusi pendidikan lebih banyak bergantung kepada keupayaan guru mendidik para pelajar berbanding dengan peranan ibu bapa. Namun, ia tidak bermaksud sama sekali untuk mengeneipkan peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam membangunkan diri pelajar-pelajar. Jika dibandingkan, para pelajar lebih banyak meluangkan masa bersama guru-guru mereka terutamanya pelajar-pelajar yang tinggal di asrama.


Jika dikaitkan dengan keberkesanan kaedah pengajaran pula, kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai kesan yang besar terhadap pembentukan diri pelajar. Beberapa persoalan perlu diberi perhatian dalam melaksanakan pengajaran iaitu (a) Apakah kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh guru Pendidikan Islam? (b) Adakah kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru tersebut berkesan? (c) Apakah kaedah pengajaran yang paling berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam? (d) Apakah aspek dalam Pendidikan Islam yang paling memberikan kesan terhadap diri pelajar (Ab. Halim et al., 2010)?

Guru pendidikan Islam merupakan golongan yang mempunyai didikan agama yang tinggi. Oleh itu, mereka dianggap sebagai golongan yang boleh dijadikan contoh tauladan atau ikon kepada pelajar dalam menjalani kehidupan beragama (Mustafa, 2004). Pelajar lebih mudah terkesan dengan ilmu yang disampaikan oleh guru yang menyayangi mereka serta memberi tunjuk ajar dengan penuh hikmah dan kesabaran

serta sangat berpegang teguh kepada ilmu agama sama ada dari aspek kebiasaan harian, ibadat, adab-adab dan panduan agama. Hal ini ditambah pula dengan kaedah didikan yang paling berkesan dalam pendidikan akhlak Islam iaitu kaedah contoh ikutan (Ab. Halim et al., 2004).

Hasil pembelajaran paling utama yang ingin dicapai dalam pelaksanaan pendidikan Islam ialah pelajar-pelajar dapat menguasai dan menghayati ilmu yang dipelajari oleh mereka. Pelaksanaan sistem pendidikan dan proses pembinaan kurikulumnya tidak lengkap dan sempurna sekiranya aspek yang berkaitan dengan P&P tidak dititikberatkan. Maka, kurikulum yang lengkap dan disokong pula dengan kaedah pengajaran yang sempurna akan memantapkan lagi proses P&P seterusnya menyokong ketokohan serta keperibadian seseorang guru.

Secara keseluruhannya adab dan akhlak guru pendidikan Islam boleh dikategorikan kepada penampilan dan keperibadian (Kamarul Azmi et al., 2009). Penampilan merupakan ciri pertama yang perlu dititikberatkan oleh guru pendidikan Islam ketika berada di dalam atau luar kelas. Aspek kedua yang disepakati ialah keperibadian guru pendidikan Islam terhadap para pelajarnya. Sifat ini memfokuskan kepada perasaan kasih dan sayang kepada para pelajar, selalu menasihati, memberi tunjuk ajar dan memberi tumpuan serta memandu pelajar untuk mengikuti nasihat. Keadaan ini memberi motivasi dan galakan terhadap idea serta cetusan pemikiran positif pelajar dalam meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan dan seterusnya mendorong kepada perubahan tingkah laku pelajar atau amalan pelajar seperti yang dijelaskan dalam rajah 5 berikut (Kamarul Azmi et al., 2009):



Rajah 5: Perubahan tingkah laku pelajar atau amalan pelajar

Seterusnya, rajah 6 menunjukkan proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam berdasarkan konsep yang dibincangkan (Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2007).



Rajah 6: Proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam

Komponen Asas Latihan Guru Pendidikan Islam

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, berikut adalah beberapa komponen yang perlu diberikan perhatian dalam aspek latihan guru-guru pendidikan Islam yang boleh dirumuskan seperti berikut: (Al-Ghazali, t.th; Abdul Fattah, 2001; Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2007; Ahmad Yunus dan Ab. Halim, 2010).

Personaliti Guru

Pendidikan ialah proses perubahan tingkah laku yang merujuk kepada sahsiah atau personaliti seseorang. Guru perlu terlebih dahulu memiliki sahsiah atau personaliti yang unggul sebelum berusaha untuk membentuk sahsiah para pelajarannya melalui proses pendidikan. Personaliti mewakili perwatakan seseorang individu dan dapat diperhatikan dan dinilai melalui tingkah lakunya di dalam situasi pada sesuatu ketika. Hal ini sesuai dengan peranan guru menurut Islam iaitu membersihkan dan membina jiwa agar menjauhi keburukan dan memeliharanya sesuai dengan fitrah kejadiannya, memindahkan ilmu pengetahuan kepada pelajarannya supaya diaplikasikan dalam diri dan kehidupan mereka (Al-Nahlawy, 1983). Guru pendidikan Islam perlu memiliki sifat-sifat keperibadian yang unggul, ketokohan dan perwatakan yang baik untuk memastikan keberkesanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Sebagai role model, guru pendidikan Islam mesti mempunyai sahsiah yang unggul supaya mereka boleh dicontohi dan dihormati. Tingkah laku dan sikap guru sentiasa diperhatikan dan dinilai oleh pelajar-pelajar bukan sahaja semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah atau di dalam sekolah malah juga ketika di luar kawasan sekolah. Perwatakan guru amat penting kerana ianya melambangkan personaliti mereka. Abdullah (1995) mengatakan bahawa perwatakan tersebut boleh dipupuk melalui sifat-sifat spriritual seperti ikhlas, jujur, sabar, kasih sayang, warak dan taqwa bahkan menerusi sifat-sifat fizikal seperti tutur kata, tingkah laku, kebersihan diri, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain. Bagi mencapai personaliti yang unggul, guru perlu berdedikasi terhadap tugasnya, bersedia menerima tahap moral yang dipandang tinggi oleh masyarakat dan mestilah seorang yang berbudi dan bertaqwa.

Oleh kerana tujuan utama pendidikan ialah pembentukan akhlak dan rohani, maka keperluan bagi seseorang guru untuk memiliki personaliti atau sahsiah yang unggul merupakan satu kemestian dan syarat sebelum berkhidmat di sekolah-sekolah. Personaliti yang unggul

membolehkan guru mempengaruhi pelajarannya ke arah kebaikan dan seterusnya menjadi pemimpin yang dihormati oleh pelajar dan masyarakat.

Ilmu Pengetahuan Guru

Al-Abrasyi (1974) menekankan bahawa seorang guru perlu sentiasa berusaha mempertingkatkan pengetahuannya sama ada dalam bidang yang diajarnya ataupun cara dia mengajar ilmu tersebut. Seorang guru perlu mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan termasuk pengetahuan yang mendalam terhadap mata pelajaran yang diajarnya. Malah menurut Al-Nahlawy (1983), seorang pendidik perlu sentiasa mempertingkatkan keilmuannya, pengetahuan yang mendalam terhadap mata pelajaran yang diajarnya serta menguasai ilmu pengetahuan lain seperti pengetahuan agama, sejarah, geografi, matematik, bahasa dan sebagainya. Menurutnya lagi, pendidik perlu memastikan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu ilmu agar dihormati dan dipercayai oleh pelajarannya.

Selain itu, guru-guru perlu diberikan latihan yang berterusan supaya menguasai ilmu-ilmu pengajian Islam. Keupayaan guru dalam bidang ini sangat penting kerana kebanyakan guru mempunyai latar belakang bidang pengkhususan pengajian yang berbeza semasa di peringkat pengajian tinggi atau di universiti. Terdapat guru-guru pendidikan Islam yang mempunyai pengkhususan dalam bidang Bahasa Arab, Syariah, Usuluddin, Dakwah, Tafsir, Tamadun Islam, Al-Quran dan sebagainya. Oleh yang demikian, guru-guru ini mempunyai kelebihan dalam satu bidang dan mempunyai kekurangan dalam bidang-bidang yang lain.

Pemantapan ilmu dalam kalangan guru boleh dilaksanakan melalui pembudayaan halaqah atau perbincangan di peringkat sekolah mahupun daerah. Guru-guru juga perlu mempunyai ilmu yang selari dengan keperluan semasa sesuai dengan kedudukan mereka sebagai role model kepada pelajar dan pakar rujuk atau agamawan dalam kalangan masyarakat. Oleh

itu, bagi memastikan kualiti dan ilmu guru-guru pendidikan Islam, sijil khas tauliah mengajar agama boleh diwujudkan dengan kerjasama majlis-majlis agama Islam negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Pengetahuan Pedagogi Kandungan

Elemen pengetahuan pedagogi kandungan adalah komponen penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Secara asasnya, guru-guru mesti menyampaikan pelajaran mengikut kemampuan dan pencapaian skala fikiran pelajar, mengenalpasti kesediaan dan kemampuan pelajar selaras dengan batasan kefahaman dan kehendak setiap pelajar, memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan tujuan dan hasil pembelajaran, tahap perkembangan, kematangan dan kecerdasan pelajar serta menggunakan bahan pengajaran, rujukan dan bahan bantu mengajar yang sesuai. Menurut Shulman (1987), terdapat dua perkara yang menjadi asas kepada teacher knowledge base, iaitu pengetahuan isi kandungan subjek dan pengetahuan pedagogi subjek. Pengetahuan pedagogi kandungan ini merujuk kepada bagaimana guru menentukan pengajaran di dalam kelas sesuai dengan kandungan mata pelajaran yang meliputi elemen pendekatan, strategi, teknik, pengurusan bilik darjah, interaksi guru dan kesesuaian bahan bantu mengajar yang digunakan.

Ahmad Yunus & Ab. Halim (2010) telah menjelaskan bahawa pengetahuan pedagogi kandungan menekankan keupayaan guru mengolah kefahaman pengetahuan kandungan yang disampaikan kepada pelajar, keupayaan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran yang sesuai agar mudah difahami pelajar dan kefahaman guru terhadap ciri-ciri dan kebolehan pelajar. Sehubungan itu, guru perlu berkemampuan untuk melaksanakan metodologi pengajaran tilawah al-Quran, hafazan, kefahaman hadith, aqidah, sirah, ibadah dan juga akhlak yang berbeza. Hal ini demikian kerana setiap bidang ilmu ini mempunyai kandungan yang berbeza antara satu sama lain dan metodologi yang berbeza. Persoalannya

adakah guru-guru telah didedahkan dengan metodologi yang sesuai dengan keperluan kepelbagaian metodologi pengajaran yang berbeza-beza? Penyampaian isi kandungan perlu dilaksanakan dengan sebaiknya supaya dapat membentuk kefahaman dan penghayatan serta pelajar-pelajar dapat mengaitkan pelajaran dengan konteks kehidupan yang sebenar. Latihan atau kursus yang dijalankan pada peringkat pra atau dalam perkhidmatan perlu memberikan pendedahan dan latihan berterusan berkaitan aspek pengetahuan pedagogi kandungan bidang-bidang pendidikan Islam.

Kepelbagaian Kemahiran Guru

Guru harus mempunyai kemahiran mengajar meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan berkesan melalui pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran-kemahiran tersebut amat penting bagi memastikan guru berupaya mengendalikan pelajaran yang tinggi mutunya agar pelajar tertarik kepada pelajaran yang bermakna dan menyeronokkan.

Kemahiran mengajar membolehkan aktiviti pengajaran dilaksanakan dengan sistematik dan langkah demi langkah, iaitu daripada peringkat permulaan diikuti dengan peringkat perkembangan konsep dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007). Kesannya, guru akan berjaya memotivasikan pelajar-pelajar dan menarik perhatian mereka supaya bersedia mengikuti pengajaran guru dengan penuh minat. Akhirnya, kandungan pelajaran dapat disampaikan kepada pelajar mengikut langkah tertentu dan dengan cara yang sistematik serta menepati masa pembelajaran yang ditetapkan. Selain itu, pelajar-pelajar akan lebih bersemangat untuk turut sama terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi pelbagai hala akan

terhasil daripada proses tersebut dan menjadikan pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik.

Penggunaan strategi dan kaedah mengajar yang sesuai dengan tahap kecerdasan pelajar merupakan ciri-ciri kemahiran mengajar yang perlu ada pada seorang guru (Al-Ghazali, t.th). Malah kaedah dan teknik pengajaran yang baik boleh menyumbang kepada mutu P&P yang berkesan. Kemahiran mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada tiga istilah penting iaitu pendekatan, kaedah dan teknik. Justeru, seorang guru yang ingin menguasai kemahiran mengajar perlulah menguasai ketiga-tiga elemen tersebut untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Guru-guru juga perlu menguasai kemahiran terkini dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), kemahiran penyelidikan, kemahiran penulisan dan pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran-kemahiran tersebut boleh dijadikan kriteria dalam pemberian anugerah dan kenaikan pangkat guru. Oleh itu, keperluan untuk guru menjalankan penyelidikan dalam bidang pendidikan, mencipta inovasi pengajaran dan pembelajaran dan menerbitkan bahan-bahan penulisan perlu dipertimbangkan. Hal ini dapat dilakukan melalui penyediaan dana yang mencukupi di samping kemudahan penerbitan dan penyelidikan dengan mengambilkira bebanan guru dari segi pengurusan, pentadbiran serta pengajaran dan pembelajaran.

Motivasi dalam P&P

Motivasi merupakan salah satu unsur penting bagi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam keadaan yang berfaedah dan bermakna (Al-Ghazali, t.th). Guru perlu membangkitkan motivasi pelajar untuk belajar kerana keinginan untuk belajar bukanlah suatu kemestian yang ada pada semua manusia. Oleh itu, ia merupakan salah satu aspek yang perlu dititikberatkan oleh guru dalam proses

pengajaran dan pembelajaran. Tanpa motivasi, proses pembelajaran menjadi tidak bermakna dan tidak berkesan (Shahabuddin et al., 2003). Namun begitu, guru harus bermotivasi terlebih dahulu sebelum mereka dapat memotivasikan pelajar-pelajar.

Peranan yang besar harus dipikul oleh guru kerana mereka bukan sahaja perlu bersedia dari aspek kemahiran mengajar dan penguasaan ilmu, malah perlu bijak menggunakan teknik motivasi yang pelbagai untuk mendorong minat pelajar seterusnya menjayakan proses pemindahan ilmu (Ali Murad, 2003). Guru bertanggungjawab untuk mewujudkan rangsangan agar ia memberi sumbangan kepada proses pembelajaran pelajar. Menurut Shahabuddin et al. (2003), walaupun rangsangan dan gerak balas berlaku terpisah, guru dapat mengubah persekitaran kelas untuk mencipta suasana yang lebih baik.

Proses ganjaran dan peneguhan yang tekal dan konsisten juga mampu membangkitkan motivasi pelajar.

Penutup

Sebagai rumusan, penyediaan dan latihan guru-guru pendidikan Islam perlu difokuskan kepada usaha melatih guru-guru pendidikan Islam yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Guru pendidikan Islam yang cemerlang boleh dilahirkan dengan menekankan kepada pembangunan insan guru berteraskan konsep *Muddaris, Muaddib, Murabbi, Mursyid dan Muallim*. Guru yang kreatif, inovatif serta berupaya menggunakan kaedah pengajaran dan pedagogi kandungan yang bersesuaian bukan sahaja mampu memberi kesan positif terhadap prestasi pelajar, bahkan dapat menjana pemikiran yang kritis dan kreatif, mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria dan menggalakkan pelajar untuk menguasai ilmu ke arah penghayatan yang lebih sempurna. Berteraskan konsep "5M", guru pendidikan Islam perlu lebih kreatif dalam memberi kefahaman dan mengelolakan aktiviti pelajar bagi menggambarkan tahap kebijaksanaan guru

dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang positif dan kondusif di dalam dan luar bilik darjah.

Rujukan

Ab. Halim, T. & Nik Mohd Rahimi, N. Y. (2010). Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Penerbit UKM, Selangor, Malaysia.

Ab. Halim, T., Adnan, Y., Kamisah, O., Khadijah, A. R., Shahrin, A., & Zamri, A. R. (2004). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ab. Halim, T., Khalthum, I., Nasruddin, Y., & Azhar, A. (2007). Orientasi amalan agama dalam kalangan remaja Melayu: satu kajian di negeri Johor. Laporan Penyelidikan ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab. Halim, T., Mohd Izham, H., Khadijah, A. R., & Mohd Aderi, C. N. (2010). Kajian tahap profesionalisme guru-guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, UKM dan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian pelajaran Malaysia.

Ab. Halim, T., Shahrin, A., Kamarulzaman, A. G., Khadijah, A. R., Zarin, I., & Mohd Aderi, C. N. (2006). Kajian amalan pengajaran guru pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. Laporan penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. IRPA 07-02-02-10033EAR.

Abdul Fattah, A. G. (2001). Nabi Muhammad: Guru dan pendidik terulung. Terjemahan Shuhadak Mahmud. Negeri Sembilan: M. Khari Enterprise & al-Azhar Media Ent. Negeri Sembilan, Malaysia.

Abdul Shukor, M. A. (2009). Modul pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam berasaskan Masjid: Satu kajian di sekolah berasrama penuh integrasi Rawang, Bandar Tasik Puteri, Rawang Selangor. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdullah, I. (1995). Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, Malaysia.

Ahmad Yunus, K. & Ab. Halim, T. (2010). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) pengajaran Akidah: Kajian kes guru cemerlang pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2(2):13-30.

Al-Abrasyi, Mohd. Atiyyah. (1974). *Dasar-dasar pokok pendidikan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang. Jakarta, Indonesia.

Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. t.th. *Ihya' ulum al-din*. Jil 1-5. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyyah, Mesir.

Al-Kaylani, Majid Arsan. (2005). *Ahdaf al-tarbiyyah al-islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam, Emiriah Arab Bersatu.

Al-Nahlawy, Abd. Rahman. (1983). *Usul al-tarbiyyah al-islamiyyah wa asalibiha fi al-bait wa al-madrasah wa al-mujtama'*. Beirut: Dar al-Fikri, Beirut, Lubnan.

Ali Murad & Yahya Hasan. (2003). *Adab al-'alim wa al-muta'alim 'inda al-mufakkirin al-muslimin min muntasif al-qarn al-thani al-hijriyy wa hatta nihayah al-qarn al-sabi'*. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Lubnan.

Anisah, A. (2009). Keberkesanan modul pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam berasaskan masjid : satu kajian di SMKA Sultan Muhammad, Melaka. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Jasmi, A. (2011). Penggunaan surau dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di negeri Melaka. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria, A. (2011). Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul, A. J., & Ab. Halim, T. (2007). Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Penerbit UTM, Skudai, Johor, Malaysia.
- Kamarul, A. J., Ab. Halim, T., & Mohd Izham, H. (2009). Sifat dan peranan keperibadian guru cemerlang pendidikan Islam (GCPI) dan hubungannya dengan motivasi pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51(E):57-71.
- Kassim Tusin. (2010). Kualiti diri guru pendidikan Islam sekolah menengah di Sabah. Tesis PhD, Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd. Azman, M. Y. (2009). Modul pengajaran dan pembelajaran berasaskan masjid pendidikan Islam KBSM Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang Selangor. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhamad Faiz, I., Kamarul, A. J., & Ab. Halim, T. (2012). Pemantapan Peranan Guru dan Kaedah P&P Pendidikan Islam : Suatu Agenda Berterusan. Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012). ms-ms: 91-97.
- Mustafa, H. (2004). Akhlaq baina al-falasifah wa ulama' al-Islam. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Lubnan.
- Shahabuddin, H., Rohizani, Y., & Mohd. Zohir, A. (2003). *Pedagogi: strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd, Pahang, Malaysia.
- Shulman, L. (1987). Knowledge and teaching: Foundation of new reform. *Harvard Educational Review*, 57(1):1-22.